

**PENERAPAN BAHASA ARAB DALAM KURIKULUM KANAK-KANAK
DI MALAYSIA**
**APPLICATION OF ARABIC LANGUAGE IN THE CURRICULUM
CHILDREN IN MALAYSIA**

Muhammad Firdaus Abdul Manaf^{1*}, Muhammad Zaid Shamshul Kamar², Mohamad Redha Mohamad³ & Ilman Mursyid Idris⁴

¹ Dr., Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, e-mail: firdausmanaf@uitm.edu.my

² Pensyarah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000 Kajang, Selangor, e-mail: muhammadzaid@kuis.edu.my

³ Pensyarah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000 Kajang, Selangor, e-mail: mohamadredha@kuis.edu.my

⁴ Pelajar, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000 Kajang, Selangor, e-mail: 17BC01044@student.kuis.edu.my

* Penulis penghubung

Artikel diterima: 04 April 2021

| Selepas Pembetulan: 09 Mei 2021

| Diterima untuk terbit: 25 Mei 2021

Abstrak

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa utama di dunia dan diiktiraf dalam sistem pendidikan di Malaysia. Namun bahasa ini masih kurang mendapat perhatian jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa kedua yang lain seperti Bahasa Inggeris, Cina, Tamil dan sebagainya. Bahkan, ia seakan-akan dilihat hanya relevan kepada mereka yang beragama Islam semata-mata. Kajian ini memberikan tumpuan kepada penerapan Bahasa Arab dalam kurikulum kanak-kanak di Malaysia dengan dua objektif kajian yang utama. Pertama ialah meneliti faktor-faktor yang menggalakkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan kanak-kanak. Kedua ialah cabaran pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan kanak-kanak. Kajian ini berbentuk kualitatif yang berasaskan instrumen pengumpulan data melalui metode kepustakaan yang berdasarkan sumber primer dan sekunder. Hasil kajian mendapati walau pun terdapat pelbagai masalah dan cabaran untuk menerapkan Bahasa Arab dalam kurikulum kanak-kanak di Malaysia, namun banyak faktor lain yang menggalakkan pengajaran dan pembelajaran bahasa ini wujud seperti saranan dan dasar kerajaan terhadap Bahasa Arab, sesi pembelajaran yang berkesan melalui Sistem Pendidikan J-QAF atau Jawi, al-Quran, Arab dan Fardu Ain dan kemampuan guru itu sendiri.

Kata kunci

Bahasa Arab, Kurikulum, Pengajaran, Pembelajaran, Kanak-kanak

Abstract

Arabic is one of the major languages in the world and is recognized in the education system in Malaysia. However, this language still receives less attention when compared to other second languages such as English, Chinese, Tamil and others. In fact, it seems to be seen as relevant only to those who are Muslims alone. This study focuses on the application of Arabic

in the curriculum of children in Malaysia with two main research objectives. The first is to examine the factors that promote the teaching and learning of Arabic among children. The second is the challenge of teaching and learning Arabic among children. This study is a qualitative study based on data collection instruments through library methods based on primary and secondary sources. The results of the study found that although there are various problems and challenges to implement Arabic in children's curriculum in Malaysia, but many other factors that encourage the teaching and learning of this language exist such as government recommendations and policies on Arabic, effective learning sessions through the J-QAF Education System or 'Jawi, al-Quran, Arab dan Fardu Ain' and the ability of the teacher himself.

Keywords

Arabic, Curriculum, Teaching, Learning, Children

1. Pendahuluan

Bahasa merupakan salah satu komponen dalam proses penyampaian mesej kerana bahasa menjadi medium untuk menyampaikan makna sesuatu mesej yang diinginkan. Sekiranya bahasa itu tidak dapat difahami oleh penerima, maka mesej tersebut adalah tidak jelas dan kandungannya tidak sampai kepada pihak yang menerima. Selain daripada itu, bahasa juga merupakan sebagai alat komunikasi yang telah lama diguna pakai sehingga kini. Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa penutur utama di dunia ini. Walaupun begitu, tidak ramai yang mahir bertutur menggunakan bahasa ini, selain daripada masyarakat di Tanah Arab sendiri serta individu yang benar-benar ingin mempelajarinya. Jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa asing yang lain seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan lain-lain, Bahasa Arab mungkin kurang popular daripada segi penggunaannya di Malaysia. Sungguhpun begitu, Bahasa Arab masih lagi menarik minat terutamanya ahli akademik untuk mempelajarinya, atas tujuan akademik itu sendiri dan mana-mana orang yang berkepentingan dengan niat dan tujuan masing-masing. Oleh yang demikian, tidaklah menjadi suatu kesalahan kepada mana-mana individu yang berhasrat untuk mempelajarinya kerana bahasa ini turut mempunyai keistimewaannya yang tersendiri khususnya kepada masyarakat yang beragama Islam kerana Bahasa Arab yang turut dikenali sebagai bahasa al-Quran ini, sering dipraktikkan dalam aktiviti keagamaan dan ibadah-ibadah khusus mereka (Abdul Manaf, Shamsul Kamar, Mohamad & Hussin, 2020).

2. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini menggunakan kajian kualitatif yang berasaskan instrumen pengumpulan data. Data-data dikumpulkan melalui metode kepustakaan yang diambil daripada sumber primer dan sekunder. Pengkaji mengumpulkan maklumat kajian berdasarkan sumber primer daripada jurnal, artikel, tesis dan buku-buku ilmiah yang terdapat di beberapa buah perpustakaan institut pengajian tinggi (IPT) di Malaysia seperti Perpustakaan Tun Abdul Razak di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan Kampus di Kuala Pilah, Perpustakaan As-Syafie di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan lain-lain untuk dianalisis. Selain itu, pengkaji juga mengumpulkan maklumat kajian berdasarkan sumber sekunder daripada laman sesawang yang berautoriti seperti Kementerian Pendidikan

Malaysia (KPM), Islamic, Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO) dan lain-lain lagi.

3. Pendidikan Awal Kanak-kanak

Pendidikan awal kanak-kanak merupakan perkara yang amat penting dalam membentuk sahsiah dan akademik kanak-kanak di peringkat awal perkembangan hidup mereka kerana ianya memainkan peranan yang amat besar dalam memberikan gambaran dan nilai awal kehidupan. Pendidikan awal kanak-kanak juga sering berkaitan dengan konsep dan teori psikologi yang telah dipelopori oleh sarjana pendidikan barat semenjak daripada zaman Greek lagi. Psikologi kanak-kanak perlu diberikan tumpuan daripada sudut kognitif iaitu aras berfikir mereka. Cara berfikir kanak-kanak tidak serupa dengan pemikiran orang-orang dewasa (Anida Sarudin, 2018). Ini kerana mereka bukan sahaja tidak matang, malahan kurang berpengetahuan dan kurang pengalaman terhadap sesuatu yang hendak dilakukan. Walau pun begitu, kognitif orang dewasa turut mengalami penurunan dan penaikan mengikut had umur dan pengalaman mereka. (Ibda, 2015)

Teori sains dan psikologi menjelaskan bahawa perkembangan intelektual pada usia kanak-kanak berlaku dengan sangat pantas (Jaafar, 2008). Oleh demikian, kanak-kanak banyak menggunakan awal usia mereka untuk mengenali sesuatu perkara. Seorang kanak-kanak yang berumur kurang daripada 7 tahun seharusnya didedahkan dengan pelbagai perkara yang positif, bagi membentuk mindanya serta membentuk keperibadiannya yang matang pada akan datang. Walau pun perkembangan ini akan berterusan sehingga dewasa dan mungkin berlaku perubahan, pembentukan di awal usia kanak-kanak ini menjadi satu asas penting yang akan menjadi pegangan dalam kehidupan yang lebih mencabar pada masa yang akan datang.

Pendekatan psikologi Islam amat bersesuaian untuk diterapkan kerana unsur agama boleh diajarkan supaya akidah dan juga kepercayaan menjadi kukuh sejak kecil. Sepanjang proses tersebut, Bahasa Arab yang sering dikaitkan dengan agama Islam turut wajar diperkenalkan kerana kanak-kanak pada usia sebeginilah mula mempelajari bagaimana membaca al-Quran dan Iqra' (Ali, Ismail, Abdullah, Omar, 2019). Pendedahan kepada bahasa Arab akan memberikan satu pengetahuan yang lebih luas berbanding kanak-kanak yang tidak didedahkan dengan bahasa ini. Tahap intelektual kanak-kanak yang mempelajari Bahasa Arab sejak kecil ini juga adalah berbeza dengan kanak-kanak biasa. Daripada segi kefahaman terhadap agama, kanak-kanak yang diberikan pengajaran Bahasa Arab serba sedikit akan dapat memahami dengan lebih baik terhadap makna ayat atau surah yang dibaca ketika dalam solat dan sebagainya (Abdul Rahman, Md. Isa, Mohd. Hamidin, Hamdi, 2017). Hal ini dapat menambahkan ilmu dan juga kefahaman tentang aspek agama kerana ianya merupakan satu perkara yang penting, khususnya kepada orang yang beragama Islam.

Pendedahan dan penerapan Bahasa Arab kepada kanak-kanak tidak memberikan kesan yang negatif, malahan positif serta menambah nilai pengetahuan yang luas serta kefahaman terhadap agama dengan lebih banyak. Sebahagian masyarakat beranggapan bahawa pemilihan Bahasa Arab sebagai 'Bahasa Kedua' kepada kanak-kanak mungkin dianggap kurang baik kerana bahasa asing seperti Bahasa

Inggeris digunakan lebih luas dalam urusan seharian (Zaini, Zakaria, Hamdan, Ghazali & Ismail, 2019). Sungguhpun begitu, jika dilihat daripada aspek keagamaan dan pembentukan sahsiah diri, Bahasa Arab merupakan pilihan yang lebih baik kepada keluarga yang berlatarbelakangkan agama. Namun, apa jua bahasa asing yang diterapkan, akan dapat menambahkan nilai positif dalam sistem intelektual kanak-kanak dan dapat berkembang dari masa ke masa dengan lebih baik (Abdul Ghani, Wan Daud, 2018).

4. Faktor Yang Menggalakkan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Kanak-kanak

4.1 Saranan dan dasar kerajaan.

Kerajaan khususnya menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menggalakkan supaya rakyat Malaysia menguasai lebih daripada satu bahasa. (Harian, 2018). Menteri Pendidikan Malaysia ketika itu, Y.B. Dr. Mazlee Malik menyarankan agar rakyat Malaysia mempelajari satu atau lebih bahasa asing. Penekanan ini diberikan khususnya kepada Bahasa Arab dan bahasa-bahasa asing yang lain seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan lain-lain. Bersempena dengan 'Hari Bahasa Arab Sedunia' atau '*World Arabic Language Day*' (WALD), pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berserta pihak berautoriti yang lain seperti *Islamic, Educational, Scientific and Cultural Organization* (ISESCO) yang berpusat di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan agensi-agensi badan bukan kerajaan atau *Non-Governmental Organization* (NGO) yang lain telah pun menyusun strategi dan perancangan bagi menggalakkan pembelajaran serta penggunaan Bahasa Arab ini dalam kalangan masyarakat setempat, termasuklah kanak-kanak. Justeru, pihak ibu bapa seharusnya mempertimbangkan supaya anak-anak mereka mula mempelajari bahasa ini, menerusi kurikulum pendidikan yang sudah pun bermula di sekolah. Kanak-kanak perlu didedahkan dengan bahasa ini sejak daripada umur kecil lagi, bagi menambahkan minat dan keinginan mereka untuk mempelajari Bahasa Arab, selain daripada Bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda mereka (Abdul Rahman, Md. Isa, Mohd. Hamidin, Hamdi, 2017).

4.2 Sesi pembelajaran yang berkesan.

Bahasa Arab bukanlah satu bahasa yang mudah untuk dipelajari. Namun, jika kaedah pembelajarannya tepat, mempunyai gaya pengajaran yang menarik dan penyampaian maklumat yang berkualiti, maka kefahaman tentangnya akan menjadi lebih berkesan dan mudah untuk difahami. Sebilangan besar pelajar di sekolah mengakui bahawa Bahasa Arab bukan mudah untuk difahami, melainkan dengan beberapa pendekatan yang tertentu (Abdullah, Sulaiman, Wan Abdullah, 2015). Oleh yang demikian, semenjak tahun 2004 lagi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan idea pelaksanaan J-QAF iaitu singkatan kepada 'Jawi, al-Quran, Arab dan Fardu Ain' adalah untuk memperkasakan penerapan Bahasa Arab itu sendiri dalam kalangan kanak-kanak. Bahasa Arab dianggap penting bagi sesetengah ibu bapa dan anggota masyarakat kerana sering dikaitkan dengan Agama Islam. Oleh yang demikian, wajarlah tindakan ibu bapa dalam menggalakkan anak-anak mereka untuk mula mempelajari serta memahami Bahasa Arab. Elemen agama boleh dijadikan serampang dua mata bagi memupuk sikap

positif pelajar terhadap Bahasa Arab sebagai bahasa yang penting untuk memahami al-Quran dan hadith Nabi, di samping menyuburkan penghayatan agama dalam diri mereka (Abu Bakar, Sualaiman, Muhammad Raffai, 2010).

4.3 Kemampuan guru.

Kemampuan guru dalam sesi pengajaran di bilik darjah sedikit sebanyak menjadi salah satu faktor yang menggalakkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab itu sendiri terhadap kanak-kanak (Abdul Rahman, Md. Isa, Mohd. Hamidin, Hamdi, 2017). Kemahiran guru bertutur dalam Bahasa Arab merupakan salah satu keperluan yang penting khususnya dalam melaksanakan aktiviti yang berbentuk tugas ketika berada dalam kelas. Sekiranya guru tersebut mempunyai keterbatasan dalam menggunakan Bahasa Arab, ia tidak akan dapat membantu para pelajar dalam menguasai bahasa tersebut serta memahami makna perkataan itu sepenuhnya. Oleh hal yang demikian, motivasi para pelajar akan merudum, seterusnya tiada minat ditunjukkan terhadap pembelajaran tersebut. Namun, guru yang berkemampuan dapat menjadikan aktiviti dalam kelas itu lebih menyeronokkan serta dapat menyuburkan persekitaran yang kondusif. Ini secara tidak langsung, ia akan memberikan kesan positif terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah serta meningkatkan keinginan dan juga minat para pelajar bagi mendalami Bahasa Arab itu sendiri. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan banyak modul bagi membina kompetensi dan peningkatan kualiti pengajaran Bahasa Arab dalam kalangan guru-guru Bahasa Arab seluruh Malaysia.

5. Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Kanak-kanak

5.1 Bahasa Arab sebagai bahasa asing.

Status Bahasa Arab sebagai bahasa asing memberikan implikasi yang sangat besar dalam kurikulum pendidikan kanak-kanak, khususnya dalam sekolah aliran perdana dan kebangsaan. Sebagai mana bahasa asing yang lain, Bahasa Arab juga diiktiraf dan terikat dengan Akta Pendidikan Malaysia (APA) 1996 (Zaini, Zakaria, Hamdan, Ghazali & Ismail, 2019). Para pelajar tidak diwajibkan untuk mengambil Bahasa Arab ini. Bahkan, ia bukanlah salah satu matapelajaran wajib lulus dalam peperiksaan aliran perdana dan kebangsaan (Abdul Rahman, Md. Isa, Mohd. Hamidin, Hamdi, 2017). Mungkin disebabkan hal ini, tumpuan yang diberikan terhadap pembelajaran serta pengajaran bahasa ini tidak bersifat holistic atau menyeluruh dan hampir sahaja tidak diberikan perhatian yang serius. Ini ditambahkan lagi dengan silibus kandungan pembelajarannya yang bersifat retorik seperti subjek *balaghah* mungkin kurang relevan untuk diajarkan kepada kesemua pelajar yang pelbagai bangsa dan agama, terutamanya kepada kanak-kanak itu sendiri (Zaini, Zakaria, Hamdan, Ghazali & Ismail, 2019).

Terdapat dua subjek Bahasa Arab yang ditawarkan dalam sekolah aliran kebangsaan dan perdana. Pertama ialah Bahasa Arab Komunikasi (BAK) yang bermatlamatkan kepada penguasaan kemahiran Bahasa Arab yang empat iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Ia jelas seiring dengan objektif umum pembelajaran bahasa asing itu sendiri dengan menguasai empat kemahiran utama. Kedua ialah Bahasa Arab Tinggi (BAT) yang ditawarkan pada peringkat menengah

yang bermatlamatkan untuk memberikan ruang dan peluang kepada murid yang ingin menguasai bahasa ini dengan lebih mendalam daripada sudut sintaksis dan morfologinya, pembinaan ayat sempurna, penguasaan daripada sudut figuratif dan sasteranya selain memartabatkan Bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran dan bahasa ilmu itu sendiri (Shamsul Kamar, Mohamad & Abdul Manaf, 2020). Subjek ini merupakan subjek alternatif dan tiada desakan daripada pihak sekolah agar murid mengambilnya sepanjang sesi persekolahan dijalankan (Abdul Rahman, Md. Isa, Mohd. Hamidin, Hamdi, 2017).

5.2 Mewujudkan persekitaran.

Antara cabaran terbesar untuk menerapkan Bahasa Arab ini dalam kurikulum pendidikan kanak-kanak adalah mewujudkan persekitaran Bahasa Arab dalam menyampaikan mesej pembelajaran bahasa tersebut. Ia merupakan salah satu usaha utama yang perlu dimainkan oleh pihak berkepentingan, termasuklah guru-guru sekolah. Hakikatnya, ketiadaan persekitaran Arab ini sedikit sebanyak menjejaskan keputusan ibu bapa untuk memberikan peluang kepada anak-anak mereka mempelajari bahasa tersebut. Walaubagaimanapun, wujud cadangan penggunaan Bahasa Arab di Malaysia khususnya di bilik darjah adalah sekurang-kurangnya 80%, memandangkan status bahasa tersebut serta penggunaannya di luar bilik darjah yang amat terhad (Zaini, Zakaria, Hamdan, Ghazali & Ismail, 2019).

Istilah 'bahasa asing' bertepatan dengan konteks pendidikan Bahasa Arab di Malaysia kerana bahasa ini amat terhad penggunaannya dalam masyarakat umum (Yusri, Nik Rahimi, M. Shah, 2010). Di Malaysia, Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi manakala, Bahasa Inggeris diletakkan pada kedudukan kedua yang mendapat perhatian daripada segenap masyarakat majmuk. Tidak dapat dinafikan bahawa persaingan bahasa asing ini amat tinggi antara Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil, namun tidak kepada Bahasa Arab (Zaini, Zakaria, Hamdan, Ghazali & Ismail, 2019). Namun demikian, Bahasa Arab seharusnya mendapat tempat dan kedudukan yang sama rata dengan bahasa-bahasa asing yang lain di Malaysia.

6. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, Bahasa Arab masih relevan sebagai bahasa yang penting dan memainkan peranannya yang tersendiri, baik sama ada dalam sektor politik, perdagangan, pelancongan dan lain-lain lagi. Oleh yang demikian, menjadi satu kewajaran untuk Malaysia menjadi antara negara yang menggalakkan pembelajaran dan pengajaran terhadap Bahasa Arab ini kerana ianya akan mendatangkan banyak manfaat kepada individu yang mempelajarinya serta membuka peluang pekerjaan, selain menjadi nilai tambah kemahiran dalam menguasai mana-mana peluang ekonomi dan pendidikan. Bagi kanak-kanak pula, bahasa merupakan suatu elemen yang penting kerana ianya merupakan medium penyampaian mesej dan komunikasi yang dapat difahami oleh pelbagai pihak. Bahkan, jika dilihat daripada konteks Bahasa Arab pula, ia akan memberikan kelebihan kepada mereka yang beragama Islam. Terdapat tiga faktor yang menggalakkan pengajaran Bahasa Arab terhadap kanak-kanak iaitu saranan dan dasar daripada kerajaan, sesi pembelajaran yang berkesan melalui Sistem Pendidikan J-QAF dan kemampuan guru yang mengajar bahasa tersebut. Selain itu, sebanyak dua cabaran pengajaran dan pembelajaran

Bahasa Arab ditemui. Pertama ialah kedudukan Bahasa Arab itu sendiri sebagai bahasa asing yang mempunyai persaingan dengan bahasa-bahasa asing yang lain. Kedua ialah kesukaran mewujudkan persekitaran Bahasa Arab yang kondusif. Tidak menjadi satu kerugian sekiranya kanak-kanak diajar tentang Bahasa Arab sejak daripada kecil kerana pada peringkat umur sedemikian, penguasaan bahasa adalah lebih laju berbanding dewasa. Walaubagaimanapun, pengajaran Bahasa Arab kepada kanak-kanak ini perlu kepada cara yang bersistematik bagi mendapatkan keputusan dan hasil yang lebih banyak menerusi permainan, lagu dan sebagainya. Hal ini turut dapat meningkatkan keupayaan kefahaman serta menarik minat kanak-kanak mempelajarinya.

Rujukan

- Abdul Ghani, M. T., Wan Daud, W. A. A. (2018). Bahasa Arab Untuk Pendidikan Awal Kanak Kanak; Satu Kajian Analisis Keperluan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak Kanak*, 70-82.
- Abdullah, A. H., Sulaiman, A. A., Wan Abdullah, W. I. (2015). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 104-122.
- Abdul Manaf, M. F., Shamsul Kamar, M. Z., Mohamad, M. R., Hussin, M. N. (2020). Kesepadanan Fungsi Derivasi Tafa'ala Dalam Surah al-Baqarah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues (IJICI)*, 211-212.
- Abdul Rahman, A., Md. Isa, S. N., Mohd Hamidin, N., Hamdi, I. (2017). Pendidikan Bahasa Arab di Peringkat Pra Sekolah; Satu tinjauan Awal. *Jurnal Sultan Alaudin Sulaiman Shah*, 138-147.
- Abu Bakar, K., Sualaiman, N. F., Muhammad Raffai, Z. A. (2010). Self-Determination Theory and Motivational Orientations of Arabic Learners: A Principal Component Analysis. *GEMA Online: Journal of Language Studies*, 71-86.
- Ali, S. A., Ismail, S., Abdullah., N. A., Omar, A. R. (2019). Psikologi Pembangunan Kanak-Kanak : Perkaitan Antara Psikologi Pendidikan Barat dan Psikologi Pendidikan Islam. *Journal of Islamic Educational Research*, 14-23.
- Anida Sarudin, D. J. (2018). Kefahaman Aspek Linguistik dalam Meneliti Perkembangan Kognitif Kanak-Kanak Prasekolah. *Kajian Linguistik dan Sastera*, 51-68.
- Harian, S. (19 Disember, 2018). *Rakyat Malaysia Disaran Kuasai Lebih 1 Bahasa*.
- Ibda, F. (2015). *Perkembangan Kognitif; Teori Jean Piaget*. Intelektualita.
- Jaafar, J. L. (2008). *Pengenalan kepada Psikologi Kanak Kanak dan Remaja*. Selangor: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.
- Shamsul Kamar, M. Z., Mohamad, M. R., & Abdul Manaf, M. F. (2020). Sejarah Pembelajaran Ilmu Qiraat di Darul Quran; Satu Pemerhatian. *Jurnal Qiraat*. 15-16.
- Yusri, G., Nik Rahimi, N. M., M. Shah, P. (2010). Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *Journal of Language Studies*, 15-33.
- Zaini, A. R., Zakaria, N., Hamdan, H., Ghazali, M. R., Ismail, M. R. (2019). Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia; Permasalahan dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, 47-57.